

27/08/2002

Sikap persatuan ulama dikesali

Ulama Progresif

KITA dapat melihat dengan jelas pemikiran Persatuan Ulama Malaysia (PUM) yang tidak seimbang.

Kenyataan Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat yang terang-terang bercanggah dengan akidah Islam dianggap PUM sebagai kenyataan politik.

Tetapi PUM tidak pula memakai kaca mata politik apabila melihat kenyataan orang lain yang tidak sebulu dengannya dan terus menyifatkannya sebagai syirik, murtad, mungkar dan sebagainya.

Jelasnya kenyataan Nik Aziz diharuskan kerana bersifat politik tetapi kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Mahathir Mohamad atau orang lain, tetap salah.

Saya berterima kasih kepada media negara yang menjelaskan kepada umum bahawa PUM bukan persatuan ulama sebenar, tetapi persatuan ulama Pas.

ULAMA PROGRESIF,

Kuala Lumpur.